

Konstruk Identiti dan Representasi Diri: Satu Kajian Eksploratori Pengalaman Interaksi Sosial

Norazirawati Ahmad

norazirawati@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Ainurliza Mat Rahim

ainurliza@usim.edu.my

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Wanita mengkonstruksi identiti dan representasi diri melalui pakaian seperti niqab seringkali membawa kepada stereotaip negatif. Namun penggunaan pakaian yang mempunyai nilai-nilai Arab ini meningkat popularitinya dalam kalangan Muslimah Melayu. Justeru, kajian ini meneliti interpretasi niqab dan maknanya serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar berniqab. Persoalan kajian ini menjurus kepada bagaimana pelajar berniqab mengkonstruksi identiti dan representasi diri atau mengekspresi diri mereka di khalayak. Sehubungan dengan itu, artikel ini mengemukakan hasil kajian berkaitan konstruk identiti pelajar berniqab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk temubual kumpulan fokus. Metodologi kaedah pengumpulan data ialah melalui temu bual berpandukan soalan berstruktur. Seramai enam orang informan dalam satu kumpulan yang terdiri daripada pelajar berniqab mewakili empat fakulti pengajian iaitu Pusat Matrikulasi, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat. Pemilihan sampel dibuat melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis setelah melengkapkan transkripsi seterusnya proses membentuk tema secara terperinci. Dapatan kajian menunjukkan informan berpegang teguh kepada nilai Islamik dalam membentuk identiti ideal secara fizikal, sosial dan spiritual atau moral yang menjadi faktor signifikan dalam membincangkan representasi diri melalui pakaian. Ini kerana pakaian merupakan instrumen yang membantu mereka membentuk identiti diri yang ideal.

Kata kunci: niqab, Model Dramaturgikal, identiti Muslim, wanita Islamik, pembentukan diri

Identity and Self-Representation Construct: An Exploratory Study on Social Interaction Experience

ABSTRACT

Women build their identities and representations through clothing such as the niqab that often leads to negative stereotypes. However, the use of clothing that has this Arab values has increased in popularity among the Muslim Malays. Therefore, this study examines the interpretation of the niqab and its meaning and identifies the challenges faced by the niqab-wearing students. The research questions centers on how the niqab-wearing students learn to form their identities and representations or express themselves to the audience. With this regard, this article presents the results of a study on the construct identity of students at the

Selangor International Islamic University College (KUIS). This qualitative study uses focus group interview design. The methodology of the data collection method is through interviews based on structured questions. Six informants in a group comprised of bilingual students represent four faculties i.e. the Center for Matriculation, the Faculty of Islamic Civilization, the Faculty of Management and Muamalah, the Faculty of Science and Information Technology. The selection of samples is made through the purposive sampling method. The study data were analyzed after completing the transcription of the theme formulation in detail. The findings showed that informants hold to Islamic values in shaping their physical, social and spiritual or moral identity which is a significant factor in discussing self-representation through dress. This is because clothing is an instrument that helps them form their ideal identity.

Keywords: niqab, Dramaturgical Model, Muslim identity, Islamic women, self-formation

Received: 29 April 2020

Accepted: 15 June 2020

Online Published: 18 June 2020

PENGENALAN

Pemakaian niqab meningkat popularitinya dalam kalangan Muslimah Melayu di Malaysia. Popularitinya disebabkan pakaian Arab ini dianggap mempunyai kemuliaannya dengan Islam (Ibrahim, 2000). Selain itu, penampilan diri kerap kali diukur melalui pakaian kerana menunjukkan moral seseorang. Menurut Goffman (1956), kelihatan bermoral kepada orang lain merupakan perkara paling penting. Justeru, seseorang individu cenderung untuk merepresentasi diri yang menunjukkan moral dan mengubah diri untuk tujuan interaksi sosial. Fahaman ini dikritik kerana penampilan bukan inti pati sebenar bahkan merupakan topeng untuk menyembunyikan ketidakjujuran (Gouldner, 1970).

Manakala kritikan di media massa pula mengenai pengadaptasian pemakaian niqab ini dikaitkan dengan wanita di Timur Tengah yang membawa konotasi yang negatif terutama dari sudut pandang masyarakat Barat (Rasmussen, 2013). Mereka dilihat sebagai golongan yang tertindas kerana representasi kemodenan dan superioriti Barat. Media Barat mengkonstruksi niqab sebagai simbol terasing dan terpisah daripada budaya utama dan radikalisme. Bahkan wanita berniqab yang berpendidikan tinggi dan tinggal di bandar dikatakan menolak kemodenan. Mereka merasakan perlu berbeza dengan Barat dan wanita kebaratan. Dengan cara memakai niqab, wanita ini mengharap untuk mendemonstrasi bagaimana menjadi sebahagian daripada komuniti moral yang berlawanan dengan wanita moden (Ibrahim, 2015).

Bagi golongan pelajar pula, pemilihan untuk berniqab ketika usia muda dilihat memberi tekanan hidup dan juga kekeliruan dari segi penghayatan nilai. Ahli psikologi menganggap pada tahap umur ini sebagai zaman yang penuh pancaroba. Golongan ini diharapkan dapat menghayati nilai-nilai tradisi dalam menjalani hidup mereka. Namun begitu, nilai tradisi mengalami asimilasi dengan nilai baharu. Menurut Samsudin (1998), pertembungan nilai boleh berlaku dengan nilai yang diwarisi dari tradisi dengan tuntutan baharu melalui perantara media yang mendominasi kehidupan hari ini.

Dalam konteks ini, media dikatakan membantu pelajar dalam membentuk konstruk tentang apakah representasi diri yang sesuai dan diterima oleh masyarakat. Dengan itu, kajian ini menganalisis interpretasi makna dan konstruk niqab dari perspektif diri pemakainya. Selain itu, meneliti secara mendalam mengenai interaksi pelajar berniqab dalam sosialnya termasuklah

cabaran yang mereka hadapi. Kajian ini mengetengahkan pelajar yang belum berkahwin dan sedang mengikuti pengajian. Menurut Tawfiq & Ogle (2013) signifikannya kerana faktor sosial yang berbeza memberikan pengalaman yang berbeza kepada pelajar berniqab. Persoalan kajian adalah kenapa pelajar memilih untuk berniqab walaupun kadangkala mereka dilihat sebagai terhad dan bagaimanakah representasi diri mereka dalam komuniti? Bagaimanakah pakaian berperanan dalam mengubah dan membangun identiti dan konstruk diri seseorang? Sejauh manakah pakaian dapat membina pengaruh yang positif dan menghindari seseorang daripada melakukan perkara yang negatif?

NIQAB DAN IDENTITI MUSLIM

Pengurusan Persepsi Dan Interaksi Sosial

Masyarakat Islam yang tinggal di negara Barat mempamerkan imej positif dalam setiap tindakan mereka. Sohrabi & Farquharson (2015) menganalisis strategi interaksi sosial masyarakat Islam minoriti dalam menangani kumpulan anti-Islam di Australia. Masyarakat Islam memfokus kepada nilai dan ajaran Islam serta melihat kepada kesesuaian dengan nilai Barat atau nilai budaya tempatan. Mereka responsif dan peka terhadap cara orang lain melihat mereka, berkompromi untuk mendapatkan status, penghormatan dan pengiktirafan. Mereka menganggap Islam agama terbuka dan sebarang tafsiran yang sesuai dalam pelbagai budaya dan konteks yang berbeza untuk menyesuaikan diri. Tindakan masyarakat Islam menyesuaikan diri di negara Barat ini bersesuaian dengan konsep pengurusan persepsi Goffman (1956) yang menganggap penting bagi seseorang itu memenuhi standard tingkah laku moral yang ditetapkan oleh masyarakat.

Antara standard tingkah laku moral adalah mengekspresi diri melalui penampilan diri. Baerveldt (2015) mendapati pakaian, tata rias, cara bercakap dan bertindak, termasuk memakai tudung kepala dan niqab bukan sahaja mengekspresi diri tetapi berfungsi sebagai penanda identiti diri seseorang. Misalnya identiti diri wanita moden atau pascamoden yang bertudung dipengaruhi oleh idea praktikal, kebebasan dan otonomi. Wanita memperlihatkan nilai budaya asal, ideologi Islam dan kemodenan dalam menggayakan tudung mereka. Selain itu, nilai-nilai tradisi seperti etika, hubungan antara manusia dan kehormatan mempunyai perkaitan dengan pemakaian tudung (Kusciati et al. 2013). Pemakaian tudung menjadi simbol peribadi yang melambangkan gaya hidup, corak sosial dan transformasi seseorang wanita.

Representasi Diri Berniqab

Kebanyakan kajian melihat representasi diri wanita yang mempraktikkan pemakaian niqab dalam cara yang positif. Piela (2016) misalnya yang berkongsi pengalaman wanita berniqab mendapati mereka berjaya berdialog dan mesra dengan khalayak. Begitu juga dengan pandangan pengkaji lain yang mendapati wanita berniqab lebih baik kerana ingin mendekati diri dengan Tuhan, mencontohi pakaian isteri-isteri nabi, menjaga kesucian diri dan menjadikan pakaian sebagai ibadah. Representasi diri berniqab mengalami transformasi mungkin ada kebenarannya dalam membina sempadan diri yang berkesan. Kajian mendapati mereka dilihat dapat mengawal diri dengan lebih baik, merasa selamat daripada gangguan lelaki, memperolehi ketenangan diri, menghadkan pandangan orang dan turut memperolehi kebebasan (Toncy, 2008). Mereka percaya menjadi kewajipan untuk patuh kepada agama dan

mengekalkan kesucian wanita dan memperoleh perlindungan daripada Tuhan (Awan et al., 2011). Mereka dapat mencapai kebebasan secara peribadi dengan cara mengawal dan menyembunyikan wajah mereka daripada pandangan lelaki (Gressgard, 2006). Dengan itu, konsep representasi diri wanita yang mengenakan niqab adalah berlandaskan penekanan kepada aspek perubahan fizikal dan psikologi wanita.

Dalam konteks pelajar, faktor yang mempengaruhi representasi diri mempunyai kaitan dengan nilai dan identiti diri. Faktor atau inspirasi kepada pemakaian niqab dalam kalangan pelajar universiti adalah kerana faktor peribadi, kepatuhan terhadap agama, tekanan daripada keluarga dan nilai dalam masyarakat (Awan et al., 2011). Oleh yang demikian, pelajar yang memakai niqab bertindak merepresentasi diri dengan cara yang positif dan menjadi sebahagian komuniti bermoral. Mereka yang memakai niqab melihat agama sebagai elemen yang mempunyai kuasa dan percaya Islam turut menyediakan alternatif kepada kemodenan (Ibrahim, 2000).

Wanita Muslim yang tinggal di Barat berbeza pandangan mengenai mengekspresi identiti diri sebagai Muslim. Wanita Muslim di Amerika Syarikat menganggap tiada keperluan berniqab jika untuk mengekspresi identiti Muslim (Shirazi & Mishra, 2010). Tambahan pula, di sesetengah negara Eropah, wanita Muslim yang mengekspresi agama atau budaya dan identiti melalui tanda (*sign*) seperti niqab seringkali membawa kepada stereotaip negatif, sekatan, termasuklah terhad dari segi hak (Rasmussen, 2013) selain kebiasaannya yang berkaitan dengan niqab adalah berunsur negatif seperti kepasifan, permusuhan dan lain-lain (Piela, 2016). Di Perancis wanita berniqab menghadapi cabaran keadilan dan diskriminasi. Mereka mendesak supaya diberi kebebasan dalam memilih jenis pakaian yang mereka mahukan berteraskan budaya, keluarga dan komuniti. Bagi wanita Islam di sana, kod berpakaian bukanlah suatu simbol agama tetapi cara untuk mengekalkan martabat peribadi dalam situasi umum (Bigger, 2006). Dalam konteks agama Islam, tidak pula mewajibkan wanita memakai niqab. Oleh yang demikian, mereka tidak menolak praktis tersebut kerana memakai atau tidak bergantung kepada pilihan peribadi.

Proses Sosial Wanita Berniqab

Bhimji (2009) melihat proses sosial yang berlaku dalam kalangan wanita yang memakai niqab di Britain dalam usaha mereka memahami dengan mendalam dan mempraktikkan Islam. Terdapat ruang keagamaan yang membolehkan wanita menyertainya dan membolehkan mereka mengekalkan identiti dan menambah kefahaman tentang Islam. Di ruangan ini, transformasi wanita berlaku. Bagi wanita ini, pemakaian niqab hanyalah salah satu aspek identiti agama. Wanita daripada kajian ini terlibat dengan Islam di pelbagai peringkat dalam agama. Mereka menghadiri kelas agama yang dijalankan dalam bahasa Inggeris, membaca pelbagai bahan-bahan Islam, mendengar nasyid, pergi ke luar negara, belajar bahasa Arab dan ada yang mengaku belajar Islam daripada bukan Islam.

Piela (2016) pula meneliti cara wanita berniqab berinteraksi sesama mereka dalam talian. Terdapat berjenis-jenis gambar potrait yang dipaparkan. Wanita berniqab meletakkan potrait diri berlatar belakang rumah mereka. Gambar rumah menjadi pentas kepada persembahan identiti agama para wanita berniqab untuk berkomunikasi dengan publik secara tekstual dan visual. Bagi wanita tersebut, pentas dalam talian merupakan peluang untuk mereka mengekspresi dan menerima sokongan serta berkongsi nilai dan kepercayaan dan juga pengalaman. Mereka mendapati pengalaman berniqab sesuatu yang positif bertentangan

dengan paparan di media massa. Antara aktiviti wanita berniqab adalah berkomunikasi secara dalam talian mengenai diri mereka seperti pengenalan diri. Mereka turut membina ruangan mereka sendiri sebagai penghargaan dan perbincangan yang positif berkaitan niqab. Mereka bebas untuk konstruk dan mengekspresi agama. Selain itu, interaksi daripada kumpulan berbeza akan mendidik publik berkaitan Islam.

Dari konteks pendekatan teori Feminisme pula, Droogsma (2007) berkongsi pengalaman 13 orang wanita Islam Amerika memberi makna niqab yang dibentuk oleh sudut budaya mereka yang unik. Fungsinya ialah menentukan identiti orang Islam, mengawasi tingkah laku, menentang perlakuan seksual, memberi rasa hormat, memelihara hubungan intim, dan kebebasan. Bhowon & Bundhoo (2016) mendapati masyarakat di Mauritius tidak terancam dengan identiti Muslim sebagaimana masyarakat di sesetengah negara Barat. Pemakaian niqab dilihat sebagai penghormatan terhadap agama dan niqab menjadi identiti Muslim yang menjalani kehidupan menurut sistem Islam.

TEORI

Perspektif Dramaturgikal

Goffman (1956) menerangkan konsep Dramaturgikal sebagai pengurusan impresi atau mengurus tanggapan iaitu tindakan seseorang mengawal imej diri dalam interaksi sosial untuk memperoleh kesan yang diharapkan. Dalam menerangkan representasi diri secara interaksi bersemuka, beliau menggunakan perbendaharaan kata teater seperti 'peralatan pentas', 'skrip', 'depan dan belakang pentas', 'peranan', 'senario', 'persembahan' dan 'karakter' dalam Dramaturgikal.

Dalam kajian Sohrabi & Farquharson (2015), perspektif Dramaturgikal menggambarkan umat Islam sebagai pelakon yang tampil di pentas ruang publik dan berusaha untuk mencipta serta mempromosikan citra identiti Muslim yang mesra masyarakat tempatan.

Dalam penyelidikan ini, kami telah memilih perspektif Dramaturgikal yang dikemukakan oleh Goffman (1956) untuk memberi fokus kepada konstruk tentang diri melalui penampilan, kelakuan dan latar berlakunya interaksi.

Mengkomunikasi identiti melalui interaksi sosial berpandukan perasaan individu terhadap persembahan diri dan kemahuan yang mereka mahu dalam mempamerkan diri dalam usaha memperoleh penerimaan sosial. Dengan itu, sejauh mana interaksi melalui pakaian berperanan dalam mengubah dan membangun identiti dan konstruk diri seseorang. Justeru, sejauh mana pula pakaian dapat membina pengaruh positif dan menghindari seseorang daripada melakukan perkara yang negatif.

Konstruk diri yang terkandung dalam perspektif Dramaturgikal Goffman (1956) ini disesuaikan dengan penyelidikan adalah:

'Cerminan Diri' (Looking Glasses)

Konsep 'cerminan diri' (*looking glasses*) bertindak memberitahu mengenai diri seperti siapa mereka, bagaimana penampilan yang sepatutnya dan berkelakuan.

Interaksi Sosial

Elemen ini menegaskan pakaian merupakan objek sosial yang mengandung makna yang diperoleh hasil daripada interaksi sosial. Konstruk terhadap diri dalam interaksi sosial dan juga mesej yang cuba disampaikan kepada orang lain. Mereka adalah aktor sosial yang membentuk definisi diri mereka melalui penampilan, kelakuan dan latar di mana interaksi berlaku. Maka, pakaian membantu individu mengkomunikasikan identiti dan meletakkan mereka sebagai objek sosial.

Ketepuan Diri (Saturation of the Self)

Konsep ini ialah menggunakan pakaian untuk konstruk dan representasi identiti diri dalam konteks budaya moden.

KAEDAH KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk temubual kumpulan fokus. Metodologi kaedah pengumpulan data ialah melalui temubual berstruktur. Temu bual ini selama satu jam berpandukan soalan yang disediakan khusus untuk memenuhi tujuan penyelidikan. Soalan-soalan tema yang dibentuk adalah konstruk niqab berkaitan makna, mesej dan interaksi sosial.

Satu kumpulan informan terdiri daripada enam orang informan iaitu pelajar berniqab daripada empat fakulti pengajian yang berbeza dalam lingkungan usia antara 18 tahun hingga 21 tahun. Seorang daripada Pusat Matrikulasi, dua orang daripada Fakulti Pengajian Peradaban Islam, dua orang daripada Fakulti Pengurusan dan Muamalah dan seorang daripada Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat. Pemilihan sampel dibuat melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis setelah melengkapkan transkripsi seterusnya proses membentuk tema secara terperinci.

Data daripada temubual kumpulan fokus dianalisis berdasarkan Model Dramaturgikal Goffman (1956). Kaedah ini dipilih untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai konstruk pelajar berniqab kerana perbincangan dijalankan secara berkumpulan. Dengan cara ini, kami dapat memerhati dan berinteraksi dengan informan dengan lebih dekat untuk mendapatkan data.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konstruk Diri Melalui Pakaian

Informan memakai pakaian sebagai representasi identiti diri bagi menunjukkan komitmen mereka terhadap agama Islam walaupun pada awalnya berdepan dengan cabaran emosi dan fizikal. "...mula pakai tu memang pening (kepala). Pakai niqab pening sikit tapi bila dah lama-lama okay..." (Informan 5). "...kita tahu diri kita tak baik jadi kita tak pakailah..." (informan 5).

Informan mempunyai kesedaran tinggi mengenai nilai yang sesuai dengan Islam dan ketetapan iman serta meletakkan nilai Islam sebagai keutamaan dalam kehidupan. "...macam saya pun

perangai tak baik sangat tapi bila pakai...orang nampak kita pakai niqab, orang ingat kita baik...rasa macam orang tengok jadi baik jadi kita kenal jadi baik, jadi menambahkan rasa nak jadi baik.” (Informan 2). Informan berpendapat dengan meletakkan nilai agama sebagai keutamaan, menjadikan mereka lebih baik dan terlindung. “...Majoriti ulama berpendapat muka bukan aurat tapi ada juga yang mengatakan muka aurat ...ada hujah-hujah...saya pun sampai terkesan...” (Informan 3).

Selain itu, niqab bertindak sebagai lambang diri yang digunakan untuk membina pengaruh positif dan menghindari perkara yang negatif. Informan berpendapat, dengan memakai niqab, mereka lebih menjaga tingkah laku (adab) kerana ia lambang diri yang baik. “...pakai purdah didik diri sendiri ...nak buat sesuatu contoh gelak kuat-kuat kita akan malu sebab orang pandang kita...dengan orang pandang kita baik...kalau kita gelak macam tu mungkin akan menjatuhkan maruah seorang niqabis...” (Informan 5). Selain itu, informan lebih menjaga pergaulan dengan orang lain terutama lelaki. “...bila saya berniqab ni saya menjaga sikitlah ikhtilat dengan lelaki...” (Informan 2). Informan berpendapat, dengan memakai jubah ia telah membentuk diri menjadi lebih baik. “...Saya ni jenis yang outspoken..... tak terkawal, jadi bila pakai terkawallah sikit. Lebih menjaga diri.” (Informan 4).

Pemilihan pakaian ini didorong oleh perasaan yang positif terhadap diri seperti meningkatkan keyakinan diri. “...Dalam kelas bila present kena buka niqab... saya memang tak boleh nak buat apa. Tapi bila saya pakai niqab saya sangat yakin untuk bercakap...(Informan 6). “...bila lecturer suruh buka niqab ...bila nak bercakap tu kawan-kawan tunggu tengok kita. Rasa gugup sikit” (Informan 1).

Selain itu, informan berpendapat apabila mentaati agama perasaan dekat dengan agama berbanding kehidupan tanpa purdah hitam. “...pakai jeans...rasa kosong ... nak cari sesuatu yang baru dalam hidup... saya pakai niqab hitam tiada masalah, tak payah fikir fesyen yang berubah-ubah (Informan 1). Allner (1997) dalam kajiannya berhubung fenomena berpakaian di Amerika Syarikat memperlihatkan bahawa fesyen dan warna pakaian berkait rapat dengan agama yang dianuti oleh seseorang. Dengan itu, pakaian lazimnya menjadi kayu ukur untuk menafsirkan identiti seseorang.

Informan percaya dengan memakai niqab, mereka bukan sahaja patuh kepada suruhan agama, dan proses memantapkan diri dengan mendalami ilmu pengetahuan. “...hati masih rasa nak berfesyen nak cantik tapi bila kita dah makin lama makin mendalami ilmu kita pakai sebab taqwa dan ilmu... (Informan 6). Perubahan ini turut menggembirakan keluarga kerana kepatuhan mereka terhadap pandangan keluarga. “...kalau ayah kata warna baju terang sangat, kena tukar..akan tukar.. maksudnya mata ayah kan mata lelaki, jadi kalau ayah kata tukar akan tukar...(Informan 2). Walaupun terdapat informan yang pada awalnya memakai kerana galakan keluarga bukan kerelaan diri sendiri namun mereka menerimanya untuk kebaikan. “...pakai kira atas paksaan ayah jugak sebenarnya... kakak cakap pakai buat diri jadi baik...” “... ayah lebih suka anak-anaknya pakai niqab. Jadi sebagai anak, ini yang terbaik dan ikut. Mak sedara ada yang pakai...” (Informan 5).

Selain itu, informan turut memperolehi kualiti dalam kehidupan seperti rasa selamat dan terjaga. “...berani, yakin diri sebab selalu ke kelas sorang-sorang...(Informan 1). Selain mengamalkan rutin memperkasa diri dengan amalan agama. “...baca al-Mulk (surah)...rutin harian. Bila sekali tak buat rasa macam lain sikit...” (Informan 5). “...baca Mathurat lepas asar...al-Mulk malam” (Informan 1). “...baca doa...” (Informan 5).

Dengan berniqab mereka dapat mengelak diri daripada pandangan lelaki. Ini termasuklah menjaga batas pergaulan antara lelaki, mengelak daripada pandangan lelaki atau usikan yang mendatangkan ketidakselesaan kepada mereka. “...*lelaki tegur muka kat bahagian yang saya tak selesa ...mungkin dengan pakai niqab rasa selamat...purdah tu lebih melindungi...*” (Informan 3). Awan et al. (2011) dalam kajian terhadap pelajar universiti di Punjab turut bersikap untuk mengelak diri daripada pandangan lelaki menjadi faktor utama mereka berniqab.

Interaksi Sosial dan Mesej Agama

Informan membawa mesej agama dalam interaksi sosial kepada orang lain. Antaranya menunjukkan Islam itu agama yang mudah untuk dipraktikkan. Walaupun mereka memakai niqab, mereka bebas membuka niqab dalam situasi tertentu seperti makan di khalayak. Informan ingin menunjukkan kepada orang lain bahawa Islam itu mudah dan tidak menyusahkan serta mengelak fitnah. “...*masa makan di kedai...buka purdah sebab Islam ni bukan menyusahkan...memudahkan maksudnya kita pakai purdah bukan wajibkan...makan macam tu boleh tapi nanti orang pandang pelik, boleh datang fitnah...*” (Informan 5).

Begitu juga apabila berhadapan dengan pandangan serong terhadap mazhab tertentu dan imej negatif dalam media, mereka dapat berhadapan situasi tersebut dengan baik dan menganggap pandangan negatif itu bukan terhadap mereka tetapi kerana salah faham tentang paparan media dan agama. “...*orang kata orang yang pakai niqab ni kolot...macam tak mampu...ekstremis, zuhudlah...*” (Informan 1). “...*pakai hitam tu adalah cara usaha kita untuk orang tak pandang... orang jadi hormat kita dan tak nak pandang...*” (Informan 6). “...*Kadang-kadang roommate panggil kita hitam...panggil Syiah (Informan 5) “...diorang cakap pasal Syiah akan tengok kita...memang tak suka pandangan tu...Sebenarnya diorang berdosa sebab diorang perlekehkan pakaian sunnah (Informan 1). “...rasa macam nak buka purdah kalau orang tu kutuk, tapi apa kesan pada kita, memang sakit hati, hati tu syaitan, syaitan yang mengiyakan benda tu, ...kita pakai sebab Allah...teruskan niat.” (Informan 5).*

Informan juga tidak terpengaruh dengan strategi pemasaran dalam penjualan pakaian dan iklan-iklan niqab yang mengangkat nilai komersil dalam penjualannya. “...*media sosial contoh instagram...banyak sangat niqabis buat bisnes. Model tu dia sendiri. Tak dapat nak tangkap apa tujuan diorang jual niqab tu. Memang nak berdakwah melalui niqab tapi niqab yang hasilkan ... macam-macam fesyen...tak menepati syariat...*” (Informan 4)

Begitu juga dengan budaya pemikiran yang disalurkan melalui produk media tidak meninggalkan kesan dalam memutuskan jenis fesyen purdah yang mereka gunakan dalam kehidupan harian mereka. “...*Saya tak suka sangat dengan kisah niqabis Malaysia sebab diorang terkenal dengan kisah cinta sebenarnya... pakai niqab ni adalah a walking example. Jadi banyak benda contoh yang kita tunjuk berbanding dengan kisah cinta...*” (Informan 6).

Walaupun secara sosial, niqab menyukarkan hubungan dalam konteks sosial namun niqab penting dalam pembentukan identiti dalam konteks agama Islam selain menekankan perasaan positif seperti penerimaan dan layanan masyarakat terhadap informan. “...*saya selalu sakit... doktor lelaki minta izin sebelum periksa...dia hormat kita. Jangan pandang satu sudut orang takut kita tapi orang hormat kita...doktor lelaki tak pandang saya...*” (Informan 6). “...*orang*

luar dapat terima...ada yang akan nilai macam-macam ...persepsi macam-macam...kat luar orang lebih terima kita sebenarnya...” (Informan 1).

Niqab merupakan instrumen yang membantu mereka membentuk identiti diri yang ideal. Ini bermakna, seseorang yang memilih untuk memakai niqab dipengaruhi oleh nilai utama yang mendasari hidup mereka. Dapatan ini selari dengan etika dan cara berpakaian masyarakat Muslim di Semenanjung Malaysia yang dipengaruhi dan berkait rapat dengan agama Islam dan juga budaya masyarakat Arab. Pakaian yang digunakan oleh orang Arab dianggap pakaian yang sinonim dengan keimanan seseorang. Justeru, pemakaian niqab dianggap oleh Muslim sebagai pakaian yang melambangkan Islam dan komitmen seseorang kepada ajaran Islam (Lee, 1985). Niqab bagi seorang wanita menjadikan diri mereka Muslimah yang dekat dengan agama dan sepatutnya menjadi contoh yang baik. Ini menunjukkan simbolik hubungan mereka dengan pencipta dan simbol hubungan kekeluargaan.

KESIMPULAN

Dalam usaha masyarakat untuk mencapai kemajuan dan kemodenan, pelajar wanita berniqab berusaha membentuk imej yang sesuai dengan identiti mereka. Mereka mahu diterima sebagai Muslimah yang baik. Kajian ini mendapati, wanita menggunakan pakaian sebagai instrumen yang membantu mereka dalam pelbagai aspek yang mereka mahukan termasuklah membentuk identiti ideal yang diharapkan. Walaupun sebahagian daripada wanita seusia mereka menerima nilai Barat selagi selari dengan Islam, terdapat sebahagian yang lain sepenuhnya memilih mengikut Islam dalam usaha membentuk identiti yang ideal.

Lebih banyak kajian perlu dilakukan untuk memahami kehidupan Muslim untuk mengelak daripada belajar tentang Islam melalui stereotaip yang memberi kesan hubungan sesama Muslim. Khalayak perlu memahami lebih mendalam tentang Islam termasuklah pengalaman supaya mereka boleh menangani stereotaip dan mampu membuat keputusan berdasarkan informasi yang betul. Pemakaian niqab patut dilihat sebagai proses yang aktif dalam pembentukan diri dan sosial. Disiplin niqab membolehkan wanita memilih untuk merasai identiti, tujuan, pengalaman, kesedaran dan transformasi diri. Keberhasilan pembentukan diri sebagai muslimah yang baik bergantung kepada portrayal diri, toleransi dan niqab itu sendiri menjadikan mereka positif.

RUJUKAN

- Awan, R., Naz, A., Noureen, G., Nasreen, A., Aziz, S., & Hassan, H. (2011). Veiling and Unveiling: Attitudes and Experiences of University Students in the Punjab. *International Journal of Social Sciences and Education*. 1(4), 353-366.
- Baerveldt, C. (2015). The Veil and the Search for the Self: From Identity Politics to Cultural Expression. *Culture & Psychology*. 21(4), 532–545.
- Bhimji, F. (2009). Identities and Agency in Religious Spheres: A Study of British Muslim Women’s Experience. *Gender, Place and Culture*. 16(4), 365-380.
- Bhowon, U., & Bundhoo, H. (2016). Perceptions and Reasons for Veiling: A Qualitative Study. *Psychology & Developing Societies*. 28(1), 29-49.
- Bigger, S. (2006). Muslim Women’s Views on Dress Code and the Hijaab: Some Issues for Education. *Journal of Beliefs & Values*. 27(2), 215-226.

- Droogsma, R. A. (2007). Redefining Hijab: American Muslim Women's Standpoints on Veiling. *Journal of Applied Communication Research*. 35(3), 294-319.
- Goffman, E. (1956). *The Presentation of Self in Everyday Life*. https://monoskop.org/images/1/19/Goffman_Erving_The_Presentation_of_Self_in_Everyday_Life.pdf. Htm, 20 Oktober 2017.
- Gouldner, A. (1970). *The Coming Crisis of Western Sociology*. New York: Basic Books.
- Kusciati, K. P., Susilorini, S., & Febriary, I. (2013). Trendy Veils: Young Javanese Women between Islam and Modernity. *Jurnal Humaniora*. 25(3), 308–323.
- Lee, N. (1985). Muslim Dress Fashion Transformation in Malay Peninsula, 1930-1940, *PERSPEKTIF: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 6(3), 68-80.
- Rasmussen, S. J. (2013). Re-casting the Veil: Situated Meanings of Covering. *Culture & Psychology*. 19(2), 237-258.
- Tawfiq, W. a., & Ogle, J. P. (2013). Constructing and Presenting the Self through Private Sphere Dress: An Interpretive Analysis of the Experiences of Saudi Arabian Women. *Clothing and Textiles Research Journal*. 31(4), 275-290.
- Toncy, N. (2008). Behind the Veil: An In-Depth Exploration of Egyptian Muslim Women's Lives through Dance. *International Journal of Qualitative Studies in Education*. 21(3), 269 -280.
- Piela, A. (2016). Online Islamic Space as Communities of Practice for Female Muslim Converts Who Wear the Niqab. *Hawwa: Journal of Women of the Middle East and the Islamic World*. 13(3), 363-382.
- Samsudin A. Rahim (1998). *Pembangunan Ketembusan Media dan Identiti Budaya Remaja*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shirazi, F., & Mishra, S. (2010). Young Muslim Women on the Face Veil (niqab). *International Journal of Cultural Studies*, 13(1), 43-62.
- Sohrabi, H., & Farquharson, K. (2015). Social Integration of Australian Muslims: A Dramaturgical Perspective. *Journal of Sociology*. 52(2), 1-16.

BIODATA PENULIS

Norazirawati Ahmad merupakan Pensyarah di Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 16 tahun. Bidang kajian beliau adalah kewartawanan, komunikasi visual dan media baharu.

Dr. Ainurliza Mat Rahim merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Secara profesional, beliau memulakan kerjaya sebagai wartawan di Kumpulan Media Karangkaraf. Beliau kemudiannya beralih ke bidang akademik setelah menerima tawaran daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2001 untuk mengajar kursus-kursus kewartawanan. Pada 2008, beliau menyertai Universiti Sains Islam Malaysia sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Teras sehingga 2010, dan seterusnya menjadi ahli Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan sebagai pensyarah Komunikasi. Pada tahun 2018 beliau menyertai Program Komunikasi Media Baharu sehingga kini dan dilantik sebagai Ketua Program pada tahun 2020. Penyelidikan beliau bertumpu pada representasi visual dalam budaya popular dan kewartawanan.